

AMALAN KEPIMPINAN PENGAJARAN GURU DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEMAHIRAN KEPIMPINAN MURID

TEACHING LEADERSHIP PRACTICES OF EDUCATORS IN RELATION TO STUDENTS LEADERSHIP SKILLS

Gobindaran Aru Chunan¹

Sekolah Kebangsaan Air Baruk Jasin.

(Email: p89408@siswa.ukm.edu.my)

Dr Mohammad Yusof bin Mohd Nor²

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

(Email: yusoff1963@ukm.edu.my)

Received date: 21-04-2019

Revised date: 25-04-2019

Accepted date: 04-09-2019

Published date: 15-09-2019

To cite this document: Chunan, G. A., & Mohd Nor, M. Y. (2019). Amalan Kempimpinan Pengajaran Guru dan Hubungannya dengan Kemahiran Kepimpinan Murid. *International Journal of Modern Education*, 1(2), 27-40.

DOI: 10.35631/ijmoe.12003

Abstrak: Kepimpinan pendidikan sering dikaitkan dengan peranan sekolah. Peningkatan kepimpinan murid melibatkan peluang murid untuk mengamalkan pelbagai kemahiran kepimpinan dalam persekitaran pembelajaran. Konteks kepimpinan dalam pendidikan di sekolah dalam kalangan guru dan murid merupakan fokus utama kajian ini. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap elemen amalan kepimpinan pengajaran guru yang diterapkan di sekolah, mengenalpasti tahap kepimpinan pelajar dan menentukan hubungan antara elemen kepimpinan pengajaran guru dengan tahap kepimpinan pelajar. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data. Kajian ini merupakan kajian korelasi di mana dua pembolehubah digunakan untuk menyiasat perhubungannya. Analisis kajian mendapati bahawa tahap elemen amalan kepimpinan pengajaran guru yang diterapkan di sekolah dari perspektif guru wujud dalam empat elemen utama iaitu komitmen, kerjaya profesional, pengupayaan(Fizikal) dan kecekapan pengurusan pedagogi. Ujian-T untuk empat hipotesis nol menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara elemen kepimpinan guru terhadap elemen kepimpinan murid di sekolah. Hal ini kerana hipotesis nol ditolak atas dasar nilai $p < 0.001$. Kajian ini membawa implikasi kepada amalan guru di sekolah dan di dalam bilik darjah. Analisis dan perbincangan telah mengenal pasti beberapa ciri-ciri umum guru yang menyumbang kepada kejayaan mereka dalam berkomunikasi dengan murid agar kepimpinan dapat diterapkan.

Kata Kunci: Kepimpinan, Komitmen, Kerjaya Profesional, Pengupayaan, Pengurusan Pedagogi

Abstract: Leadership in education is often associated with the role of the school. The increase in student leadership involves the students' opportunity to practice variety of leadership skills in their learning environment. Leadership is behavior that involves the interaction of two parties which is in the context of the discussion here involved the students and teachers. This is based on the perspective that a leader is a person who can communicate well, engage in critical thinking, lead the group in problem solving and planning, and organize the aims and objectives of the group. The focus of this study involved the leadership in the context of school education among teachers and students. The main purpose of this study was to identify the elements of leadership practices applied in teaching in schools, identify the level of student leadership and determine the relationship between the element of leadership in teaching and the level of student leadership. The main interest in the current study was on the concept of leadership in classrooms where teachers implemented leadership as a part of the pedagogy. This study is a quantitative research using questionnaires in obtaining the data. This study is a correlation study in which two variables are used to investigate the relationship involved. Analysis showed that the level of elements of leadership practices applied the teaching in schools from the perspective of teachers exists in the four main elements, namely commitment, professional career, empowerment (physical) and pedagogical management efficiency. Test-T for four hypotheses show a significant relationship between teachers' leadership elements to the elements of leadership in school. This is because the null hypothesis is rejected on the basis of the value of $p < 0.001$. This study has implications for the practice of teachers in the school and in the classroom. Analysis and discussions have identified some common characteristics of teachers who contributed to their success in communicating with the students so that leadership can be applied.

Key Word: Leadership, Commitment, Professional Career, Empowerment

Pengenalan

Penyelidikan terhadap kualiti kepimpinan yang ingin dilihat oleh guru dalam kalangan murid serta mekanisme membangunkan kualiti ini adalah aspek yang penting dalam konteks pendidikan kini. Pemahaman tentang persepsi guru berkaitan dengan aspek yang boleh meningkatkan kualiti kepimpinan dalam kalangan murid boleh memberi impak positif kepada pelaksanaan amalan di sekolah. Pemeriksaan terhadap kajian-kajian yang menyiasat kualiti kepimpinan dalam kalangan pelajar menunjukkan bahawa kebanyakan mereka bertujuan untuk menentukan tahap kepimpinan guru dan kesannya kepada murid di sekolah (Anderson & Krathwohl, 2011; Drago-Severson, 2014). Dalam hal ini, kualiti kepimpinan murid dinilai berpandukan persepsi guru dan fokus kajian ini ialah untuk melihat bagaimana kepimpinan guru dapat menjelaskan kepimpinan murid.

Penyataan Masalah

Masalah utama yang menjadi motivasi asas kajian semasa ialah masalah yang wujud dalam kalangan kualiti dan ciri-ciri kepimpinan yang diamalkan oleh murid-murid di sekolah. Pengkaji memerhati dan meneliti masalah ini dalam pelbagai konteks situasi di sekolah terutamanya dalam bilik darjah dan juga kawasan-kawasan sekolah seperti perpustakaan, kantin dan juga di laluan serta susur jalan di sekitar sekolah. Masalahnya wujud apabila murid-murid gagal menonjol sebagai pemimpin yang berkesan dalam pelbagai situasi harian di

sekolah kerana mereka gagal menerima teladan yang berkesan daripada guru-guru mereka. Sebagai contoh, murid-murid tidak dapat menjadi pemimpin yang berkesan daripada segi komunikasi sama ada apabila ingin memimpin rakan sekelas dalam tugas berkumpulan mahupun apabila ingin berkomunikasi bersama-sama murid lain ketika menjalankan tanggungjawab sebagai pengawas ataupun ketua kelas. Elemen-elemen kepimpinan seperti kemahiran berkomunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah masih tidak kelihatan dalam kalangan murid kerana masalah yang berpunca daripada kekurangan kepimpinan guru. Dalam konteks kajian semasa, kepimpinan pengajaran guru membawa makna elemen-elemen dan aspek kepimpinan yang diambil melalui sintesis dan elemen yang disarankan dalam teori kepimpinan instruksional. Kepimpinan pengajaran guru dijangka akan meningkatkan standard mereka dan menjadi contoh kepada pelajar mereka sebagai kepercayaan dan watak mereka mempengaruhi pelajar mereka, hubungan mereka dengan orang lain, pengurusan bilik darjah, kaedah pengajaran dan pengetahuan peribadi. Amalan kepimpinan guru dalam bilik darjah mempunyai impak yang signifikan ke atas pembelajaran pelajar dan hasil penting yang lain. (Robinson, Hohepa & Lloyd, 2009; Silins & Mulford, 2002; Waters, Marzano & McNulty, 2003).

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini untuk mengenal tahap elemen amalan kepimpinan pengajaran guru yang diterapkan di sekolah dan tahap kepimpinan murid serta menganalisa hubungan antara tahap amalan kepimpinan dengan tahap kepimpinan murid.

Objektif Kajian

Berdasarkan perbincangan di atas, objektif kajian ini adalah untuk: -

1. Mengenalpasti tahap elemen amalan kepimpinan pengajaran guru yang diterapkan di sekolah.
2. Mengenalpasti tahap kepimpinan murid.
3. Menentukan sejauh mana hubungan antara kepimpinan pengajaran guru dengan kepimpinan murid.

Persoalan Kajian

Merujuk perbincangan di atas, persoalan kajian ini adalah: -

1. Apakah tahap elemen amalan kepimpinan pengajaran guru yang diterapkan di sekolah dari sudut pandangan guru?
2. Apakah tahap kepimpinan murid dari sudut pandangan guru?
3. Adakah terdapat hubungan antara elemen kepimpinan pengajaran guru dengan kepimpinan murid?

Hipotesis Kajian

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen komitmen dalam kepimpinan pengajaran dari perspektif guru terhadap elemen kepimpinan pelajar iaitu elemen keusahawan daya tahan, kecerdasan emosi dan komunikasi

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen kerjaya profesional dalam kepimpinan pengajaran dari perspektif guru terhadap elemen kepimpinan pelajar iaitu elemen keusahawan daya tahan, kecerdasan emosi dan komunikasi

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen pengupayaan fizikal dalam kepimpinan pengajaran dari perspektif guru terhadap elemen kepimpinan pelajar iaitu elemen keusahawan daya tahan, kecerdasan emosi dan komunikasi

Ho4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen Kecekapan Pengurusan Pedagogi dalam kepimpinan pengajaran dari perspektif guru terhadap elemen kepimpinan pelajar iaitu elemen keusahawan daya tahan, kecerdasan emosi dan komunikasi.


Tinjauan Literatur

Kajian ini berpaksikan teori kepimpinan instruksional yang menekankan bahawa kepimpinan dalam pengajaran memainkan peranan yang signifikan dalam konteks penerapan kemahiran kepimpinan dalam kalangan murid. Kepimpinan menerusi pengajaran guru dilihat berpotensi dalam meningkatkan standard mereka untuk menjadi tauladan kepada murid di mana perwatakan mereka mempengaruhi murid mereka. Kajian terhadap kualiti kepimpinan yang ingin dilihat dalam kalangan murid dan tahap penggunaannya untuk peningkatan kualiti ini dilihat penting. Kefahaman terhadap pendapat guru dalam perkara ini dapat membantu ke arah keberkesanan mekanisme yang akan digunakan dalam pelaksanaannya di sekolah.

Selain itu, Heck dan Hallinger (2014) turut mentafsirkan pemimpin guru sebagai ahli inovasi, penyelidik yang aktif mencari jalan penyelesaian, individu yang memberi kepentingan utama kepada pencapaian pembelajaran pelajar, pemimpin rakan sekerja, dan penyokong dasar. Umumnya, definisi kepada amalan kepimpinan guru di sekolah merupakan satu definisi yang merangkumi semua peranan dan tanggungjawab guru. Mengikut Goddard, Sook Kim, dan Miller (2015) guru merupakan pemimpin bermula dari saat seorang guru melangkah masuk ke dalam bilik darjah, guru tersebut secara automatik bertindak sebagai pemimpin.

Menurut Spillane et al. (2018) amalan-amalan ini yang wujud hasil daripada perasaan komitmen akan membawa kepada penerapan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar mereka. Mereka merasakan kesetiaan untuk mendidik. Oleh itu, keutamaan mereka sebagai guru adalah untuk pelajar-pelajar mereka dan pembelajaran mereka. Dalam pada itu, mereka menyokong untuk pelajar-pelajar mereka untuk memastikan mereka mendapat segala-galanya yang mereka perlukan untuk berjaya menjadi pelajar yang berpendidikan (Cravens & Drake 2017). teori instruksional telah mempertingkatkan lagi tumpuan kepimpinan semasa pengajaran dijalankan sebagai fokus bagi penggubal dasar sekolah dan pengamalnya. Ia juga menyediakan rasional mengapa kakitangan sekolah perlu memberi fokus kepada meningkatkan kapasiti kepimpinan pengajaran sebagai alat untuk penambahbaikan sekolah (Miller, Goddard, Kim, Jacob, Goddard & Schroeder 2016).

Kerangka Konseptual



Rajah 1: Kerangka Konsep: Hubungan Elemen Kepimpinan Pengajaran Guru Dan Kepimpinan Pelajar

Kerangka konseptual bagi kajian ini merupakan satu model yang direka berdasarkan model kepimpinan instruksional yang dikemukakan oleh Hallinger dan Murphy (1987) yang diambil dalam Hallinger dan Murphy (1987). Dalam model tersebut, pengkaji menggambarkan kepimpinan dalam bilik darjah sebagai satu proses yang membawa pelbagai elemen dan kemahiran bagi setiap guru untuk menonjol sebagai seorang pemimpin yang cemerlang dan seorang pemimpin yang dapat menerapkan nilai kepimpinan dalam kalangan murid. Kerangka konseptual ini juga merupakan hasil sintesis daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013) yang menggariskan pelbagai elemen dan aspek pendidikan yang perlu dicapai. Aspek kepimpinan merupakan salah satu aspek yang memainkan peranan yang penting dalam pelan tersebut.

Mengikut Leithwood (2013), impak yang dibawa oleh kepimpinan guru dalam bilik darjah mampu meningkatkan lagi penerapan nilai-nilai dan kepimpinan dalam murid-murid di sekolah. Kajian oleh Leithwood (2013) yang merujuk kepada model instruksional Hallinger dan Murphy (1987) melihat bagaimana beberapa elemen dalam konteks pengajaran dan pembelajaran akan membawa kepada pencetusan elemen kepimpinan dalam kalangan murid di sekolah. Dalam kajian ini, antara aspek kepimpinan guru dalam bilik darjah merupakan aspek komitmen dan kerjaya profesional di mana pengkaji melihat kepada persepsi guru terhadap tahap komitmen dan kerjaya profesional mereka apabila mengajar murid-murid mereka. Kedua-dua elemen ini berkait rapat dengan elemen kecerdasan emosi antara murid yang menjadikan mereka pemimpin yang lebih efektif. Hallinger, Heck dan Murphy (2014), membuktikan bagaimana murid melihat tindakan guru mereka yang menunjukkan komitmen daripada segi kerja mereka dan tahap kerjaya profesional mereka yang membina keyakinan mereka dalam kepimpinan melalui kecerdasan emosi. Apabila seorang murid melihat guru mereka menangani setiap masalah dalam bilik darjah secara profesional dan melihat komitmen guru mereka dalam konteks bilik darjah mereka secara tidak langsung akan terkesan dan impaknya adalah pada kecerdasan emosi mereka (Murphy et al.1985).

Seterusnya, elemen keusahawanan telah dikemukakan dalam kerangka konseptual kerana elemen keusahawanan merupakan salah satu elemen yang disarankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan di Malaysia. Menurut Sipon et al. (2015) keusahawanan dalam bilik darjah merupakan satu hasil daripada kecekapan pengurusan pedagogi guru di dalam bilik darjah dan merupakan beberapa gabungan beberapa sub-kemahiran daripada pihak guru dalam memastikan sikap kepimpinan mereka sentiasa dicerminkan melalui kecekapan pengurusan pedagogi. Hal ini berkait rapat dengan elemen kepimpinan guru seperti dalam model kepimpinan dalam Hallinger, Heck dan Murphy (2014) yang menyatakan bahawa guru yang sistematik dalam perancangan pedagogi merupakan guru yang menonjolkan bakat kepimpinan instruksional yang positif. Perkara ini dilihat sebagai satu fenomena yang saling berkait antara persepsi guru terhadap tahap kecekapan mereka dalam mengurus pedagogi dan juga elemen keusahawanan dalam kalangan murid sebagai satu hasil daripada kepimpinan instruksional.

Model kepimpinan instruksional yang dikemukakan oleh Hallinger dan Murphy (1987) yang diambil dalam Hallinger dan Murphy (1987) turut menyarankan pengupayaan fizikal sebagai salah satu aspek yang penting dalam kepimpinan instruksional. Dalam kajian asal mereka, pengupayaan fizikal dilihat sebagai salah satu sub-konstruk dalam konteks kepimpinan di dalam bilik darjah. Komunikasi merupakan salah satu sub-kemahiran yang wujud dalam pengajaran dan pembelajaran abad-21(Fong et al. 2015) dan memainkan peranan yang relevan dalam teori kepimpinan dalam pendidikan, khasnya teori kepimpinan instruksional yang mengesyorkan guru agar mengurus bilik darjah dengan sistematik untuk memupuk kemahiran komunikasi dalam kalangan murid-murid di dalam bilik darjah. Komponen dalam kategori

elemen kepimpinan guru saling berkait rapat dengan aspek kepimpinan murid dan model kepimpinan instruksional yang dikemukakan oleh Hallinger dan Murphy (1987) yang diambil dalam Hallinger dan Murphy (1987) menjadi rujukan utama yang dijadikan asas kepada kerangka konseptual.

Metodologi

Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk korelasi yang menggunakan kaedah soal selidik. Rasional kajian ini adalah kajian yang diperlukan terhadap tahap kepimpinan guru dalam sekolah mereka melalui pelaporan diri terhadap sikap dan pengalaman mereka. Respon guru dianalisis untuk melihat hubungan tahap kepimpinan murid-murid terletak pada rujukan kriteria yang digunakan dalam model akauntabiliti untuk melihat hubungkait antara kedua-dua aspek. Hasil kajian ini akan meningkatkan amalan pendidikan yang berkaitan dengan inisiatif kepimpinan guru, pencapaian sekolah dan kepimpinan murid. Bowman (2014) yakin bahawa para guru boleh menjadi ejen perubahan yang berjaya sekiranya mereka diberikan sokongan. Beberapa penyelidikan terdahulu mengenai kepimpinan guru yang berjaya telah menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif. Kajian semula terhadap Sembilan kajian kes antara 1997 dan 2015 seluruh Malaysia menunjukkan beberapa penemuan konsisten berkaitan struktur sekolah tertentu yang menghalang kerja guru cemerlang dalam kepimpinan. Kajian ini menggunakan rangka struktur Bolman dan Deal (2013) yang merangkumi dua elemen asas rekabentuk struktur sebagai; a) cara mengagihkan kerja dan b) bagaimana menyelaraskan peranan dan unit sekali tanggungjawab telah dibatalkan.

Populasi dan Sampel

Kajian ini akan dilakukan di sekolah rendah daerah Jasin, Melaka untuk memperluaskan kajian sebelum ini. Guru-guru yang terlibat menjadi perancang bilik darjah professional yang direka untuk “menyediakan persekitaran yang merangsang dan memupuk pertumbuhan peribadi dan professional secara intelektual (brosur program, 2017-2018) dipilih sebagai populasi kajian. Ini melibatkan seramai 1500 orang guru sekolah rendah yang sedang menjadi peserta dalam bidang professional program pembilik darjah di daerah ini. Objektif program ini adalah: (a) membangunkan perbendaharaan kata profesional, (b) menunjukkan keberkesanan yang lebih mendalam bagi pembelajaran pelajar di dalam kelas, (c) mempamerkan keberkesanan yang lebih mendalam untuk kepimpinan guru, dan (d) menggunakan pemahaman baru untuk membentuk amalan pengajaran dan merenungkan kesan kepada pelajar.

Kajian ini hanya melibatkan 10% guru sekolah rendah di Jasin, Melaka seramai 150 orang guru yang sedang mengambil bahagian dalam bidang profesional Program Pembilik Darjah. Mereka dipilih untuk program ini berdasarkan ciri-ciri guru cemerlang dalam kepimpinan yang mesti mempunyai tiga tahun pengalaman mengajar, menunjukkan keberkesanan kelas dan minat yang kuat dalam peningkatan profesional. Kaedah pensampelan rawak telah digunakan sebagai kaedah utama dalam pemilihan sampel tersebut.

Instrumen Kajian

Kaedah soal selidik yang mengandungi dua bahagian utama; bahagian demografi dan bahagian kepimpinan telah digunakan. Bahagian demografi merangkumi jantina, umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar setiap responden. Bahagian aspek kepimpinan pula mengandungi elemen kepimpinan guru dan murid. Dari segi persepsi guru terhadap amalan kepimpinan mereka, terdapat empat elemen utama iaitu komitmen, kerjaya profesional, pengupayaan(Fizikal) dan kecekapan pengurusan pedagogi. Setiap aspek diuji dengan tujuh

item maka terdapat 28 item dalam bahagian kepimpinan guru secara keseluruhannya. Bagi persepsi guru terhadap amalan kepimpinan murid pula, terdapat empat elemen utama yang dikaji iaitu keusahawan, daya tahan, kecerdasan emosi dan komunikasi. skala jenis Likert lima mata mulai dari yang sangat tidak setuju dengan sangat setuju, seperti yang disyorkan oleh Patten (2011), digunakan untuk menentukan perjanjian dengan beberapa pernyataan.

Jadual 1: Skala Likert Lima Mata yang digunakan dalam Kajian Ini.

Skala	Nilai
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Kurang Setuju (KS)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Kesahan, Kebolehpercayaan, Kajian Rintis dan Analisis

Kebolehpercayaan item dipertingkatkan dengan menggunakan pengekodan terbalik pada item tertentu dalam subskala. Daripada 60 item dalam kaji selidik (tidak termasuk item demografi), 26 digunakan pengekodan terbalik dalam skala Likert lima mata. Selepas kajian dijalankan, sekumpulan lima golongan profesional yang melatih para guru cemerlang dalam kepimpinan diminta mengkaji semula instrumen untuk bahasa yang mencerminkan sebarang kecenderungan peribadi dan isu-isu lain yang mungkin. 15 orang guru dari daerah sekolah yang sama menjawab soal selidik tersebut. Konsistensi skor di antara kedua-dua pentadbiran kaji selidik ini memberikan ukuran kebolehpercayaan. Cronbach-alpha dikira untuk item dalam setiap komponen dalam subscale dan pada setiap subscale untuk menyediakan analisis kebolehpercayaan dalam yang konsisten.

Statistik Deskriptif

Kajian ini menggunakan analisis statistik deskriptif untuk mendapatkan bilangan dan peratusan bagi aspek demografi dan item-item dalam aspek kepimpinan murid dan juga kepimpinan guru. Kekerapan, min dan peratusan pula digunakan untuk analisis bagi kedua-dua aspek dalam kepimpinan. Interpretasi skor min seperti dalam jadual 2 digunakan untuk analisis deskriptif dalam kajian ini.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min yang Digunakan dalam Kajian Ini

Skor	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Statistik Inferensi

Kajian ini menggunakan analisis inferensi bagi melihat hubungan antara amalan kepimpinan guru dan tahap kepimpinan murid. Ujian korelasi Spearman yang dilaksanakan ke atas item-item dalam kedua-dua aspek tersebut menunjukkan sejauh mana amalan kepimpinan guru memberi impak kepada tahap kepimpinan murid. Jadual 3 menunjukkan skor nilai pekali r dan interpretasi bagi setiap skor. Analisis ujian-t pula digunakan untuk melihat pembuktian bagi

hipotesis kajian yang ditetapkan. Analisis ujian-t menggunakan nilai $p<0.001$ bagi menentukan penerimaan atau penolakan hipotesis.

Jadual 3: Julat Pekali R yang Digunakan dalam Kajian Ini

Skor	Interpretasi
0.00	Tiada Hubungan
< 0.19	Sangat Lemah
0.20 - 0.39	Lemah
0.40 - 0.69	Sederhana
0.70 - 0.89	Tinggi
> 0.90	Sangat Tinggi

Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Profil Responden

Jadual 4: Profil Responden

Aspek demografi		Frekuensi (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	45	30.0
	Perempuan	105	70.0
Umur	Bawah 30 tahun	43	28.7
	30-35 tahun	48	32.0
	36-40 tahun	28	18.7
	lebih 40 tahun	31	20.7
Pengalaman Mengajar	1-5 tahun	2	1.3
	6-10 tahun	44	29.3
	11-15 tahun	59	39.3
	16-20 tahun	45	30.0
Kelayakan Akademik	Diploma	48	32.0
	Ijazah Sarjana Muda	69	46.0
	Ijazah Sarjana	30	20.0
	Ijazah Kedoktoran	3	2.0

Analisis data demografi membekalkan data yang dapat membina kefahaman asas terhadap saiz penduduk, pengedaran sosial dan komposisi masyarakat dalam sampel yang terpilih. Terdapat ciri-ciri tertentu pada personaliti responden yang berkait rapat dengan latar belakang demografi (Ayan & Kocacik, 2010). 105 orang responden merupakan responden perempuan manakala 45 orang responden merupakan responden lelaki. Responden lelaki mencakupi jumlah 30% manakala responden perempuan meliputi jumlah 70%. Perbezaan ketara ini menunjukkan impak dari sudut pendidikan yang diterima oleh golongan lelaki (Saad, Saad & Dollah, 2012). Manakala, kebanyakan lelaki dilihat tidak memilih profesyen keguruan sebagai pilihan utama melainkan hanya sebagai pilihan terakhir dalam kerjaya mereka (Azman, 2013). Menerusi analisis aspek ini, analisis menunjukkan kategori umur 30-35 tahun mewakili bilangan tertinggi seramai 48 orang iaitu 32 % daripada jumlah responden. Ini meliputi responden yang berumur bawah 30 tahun seramai 43 orang (28.7%) serta responden yang paling ketara kekurangannya iaitu dalam lingkungan umur 36-40 tahun serama 28 orang (18.7%). Ini selari dengan dapatan

oleh Ching dan Kee (2012) di mana dikatakan ramai guru yang meninggalkan profesyen ini kerana cabaran yang semakin menekan dalam arus pendidikan semasa. Akhir sekali, responden berumur lebih 40 tahun dilihat seramai 31 orang (20.7%) daripada jumlah responden. Taburan dari aspek ini juga dilihat kerana pengalaman mengajar menujukkan tahap perkembangan guru dari setiap sudut metakognitif guru (Klassen & Chiu, 2010). Taburan demografi dari aspek ini analisis mendapat guru yang berpengalaman 11-15 tahun mengajar adalah seramai 59 orang atau 39.3% manakala terdapat sejumlah hanya 2 orang responden mempunyai pengalaman 1-5 tahun dalam bidang pendidikan. Analisis aspek ini mendapat sebahagian besar responden adalah guru berkelayakan ijazah sarjana muda iaitu seramai 69 orang atau 46%. Responden yang berkelayakan diploma meliputi sejumlah 48 orang atau 32% daripada jumlah responden. Bagi guru yang berkelayakan ijazah sarjana pula memperlihatkan jumlah seramai 30 orang responden atau 20% dan ijazah kedoktoran mencakupi sebahagian kecil seramai 2%.

Objektif 1: Mengenalpasti Tahap Elemen Amalan Kepimpinan Pengajaran Guru yang Diterapkan di Sekolah

Jadual 5: Interpretasi skor min bagi tahap elemen Komitmen, Kerjaya Profesional, Pengupayaan dan Kecekapan Pengurusan Pedagogi

Tahap Elemen Kepimpinan Guru	Skor Min	Interpretasi
Komitmen	3.81	Sederhana Tinggi
Kerjaya Profesional	2.88	Sederhana Rendah
Pengupayaan	3.56	Sederhana Tinggi
Kecekapan Pengurusan Pedagogi	4.21	Tinggi

Tahap elemen amalan kepimpinan pengajaran guru yang diterapkan dari perspektif guru telah dikaji dan dilihat menerusi item-item yang akan dibincangkan diruangan ini. Elemen komitmen menunjukkan skor min yang mencatat interpretasi sederhana tinggi manakala aspek kerajaya profesional pula menunjukkan interpretasi sederhana rendah. Aspek pengupayaan pula menunjukkan interpretasi sederhana tinggi dan akhir sekali aspek kecekapan pengurusan pedagogi mencatat skor yang tinggi. Tahap elemen amalan kepimpinan pengajaran guru yang diterapkan di sekolah dari perspektif guru dalam kajian ini telah dibincangkan dalam ruangan hasil kajian. Terdapat empat aspek utama yang ditekankan mengikut kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini. Mengikut Leithwood (2013), kesan daripada amalan kepimpinan guru dalam bilik darjah mampu meningkatkan lagi penerapan nilai-nilai dan kepimpinan dalam murid-murid di sekolah. Kajian oleh Leithwood (2013) yang merujuk kepada model instruksional Hallinger dan Murphy (1987) melihat bagaimana beberapa elemen dalam konteks pengajaran dan pembelajaran akan membawa kepada pencetusan elemen kepimpinan dalam kalangan murid di sekolah. Dalam kajian ini, analisis mendapat bahawa terdapat item yang menjurus kepada tahap komitmen guru yang mampu menjana kepimpinan yang dapat memberi impak kepada pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Kedua-dua elemen ini berkaitan dengan elemen kecerdasan emosi antara murid yang menjadikan mereka pemimpin yang lebih efektif. Hallinger, Heck dan Murphy (2014), membuktikan bagaimana murid melihat tindakan guru mereka yang komited dari segi kerjaya mereka yang membina keyakinan mereka dalam kepimpinan melalui kecerdasan emosi. York-Barr dan Duke (2004) melihat komuniti profesional sebagai salah satu alternatif bagi merealisasikan kepimpinan guru. Interaksi di kalangan guru-guru dalam komuniti sekolah membolehkan mereka memainkan pelbagai peranan satu sama lain seperti mentor, mentee,

jurulatih dan sebagainya. Dalam hal ini, telah dibuktikan menerusi dapatan kajian menerusi item “saya sengaja memburukkan guru lain di hadapan murid untuk meningkatkan status saya sebagai pemimpin” yang mendapat skor min yang paling rendah iaitu 1.52 menunjukkan pentingnya interaksi yang betul dalam konteks komuniti profesional di sekolah. Justeru, masyarakat profesional adalah lebih daripada sekadar menyokong di mana nilai-nilai bersama, boleh dianggap sebagai kepimpinan diedarkan (Hord & Sommers, 2008; McLaughlin & Talbert, 2001). Mereka seharusnya sentiasa mengekalkan kerjasama yang terjalin dalam membangunkan kurikulum dan pengajaran.

Objektif 2: Tahap Kepimpinan Pelajar Dari Perspektif Guru

Jadual 6: Interpretasi Skor Min Bagi Tahap Elemen Keusahawanan, Daya Tahan, Kecerdasan Emosi Dan Komunikasi

Tahap Elemen Kepimpinan Murid	Skor Min	Interpretasi
Keusahawanan	2.09	Sederhana Rendah
Daya Tahan	2.63	Sederhana Rendah
Kecerdasan Emosi	4.11	Tinggi
Komunikasi	4.12	Tinggi

Bagi aspek tahap kepimpinan pelajar dari perspektif guru, ia juga telah dikaji melalui soal selidik yang mencakupi aspek keusahawanan, daya tahan, kecerdasan emosi, komunikasi. Bagi aspek keusahawanan skor keseluruhan menunjukkan bahawa elemen kepimpinan dari segi keusahawanan adalah sederhana rendah. Bagi aspek daya tahan pula, interpretasi yang dicapai ialah juga sederhana rendah. Walaubagaimanapun, kecerdasan emosi dan komunikasi kedua-duanya menunjukkan interpretasi yang tinggi. Sekolah merupakan medan di mana pelajar bersedia untuk memajukan dan meningkatkan tahap keupayaan mereka. Pewujudan keupayaan kepimpinan bagi penyelesaian masalah-masalah ini mempunyai kepentingan kritikal (Mulick, 2009). Walau bagaimanapun, ia dilihat bahawa peluang yang akan meningkatkan kualiti kepimpinan pelajar di sekolah-sekolah tidak mencukupi (Bennis, 2009). Ini kerana, pelajar hanya memperoleh pengalaman kepimpinan pada tahap yang tertentu sahaja menerusi aktiviti seharian mereka (Hay & Dempster, 2004). Kebarangkalian ini dapat diatasi dengan mewujudkan peluang yang berbeza di sekolah-sekolah.

Dalam kajian ini, ia dilihat bahawa kualiti kepimpinan pelajar yang paling penting pada persepsi guru termasuklah kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, tanggungjawab, kejujuran, dan penetapan matlamat, masing-masing. Ia dilihat bahawa konsep kemahiran menyelesaikan masalah (Addison, 1985; Karnes & Stephens, 1999), penetapan matlamat, kemahiran komunikasi yang berkesan (Drago-Severson, 2004; Irvin & White, 2004), kejujuran (Fertman & Van Linden, 1999) juga merupakan antara kepimpinan yang boleh dilihat pelajar dalam kumpulan umur yang berbeza. Pelajar yang dapat berkomunikasi dengan yakin diri secara bertulis mahupun secara lisan akan lebih memahami perkara yang ingin disampaikan kepadanya. Ini seterusnya akan mendorong mereka dalam keupayaan mereka dalam membuat keputusan secara bersama-sama dan ini merupakan antara aspek yang menjurus kepada kualiti kepimpinan yang terpenting.

Dalam kajian ini kebanyakannya persepsi guru menjurus kepada persepsi mereka terhadap kepimpinan yang wujud dalam diri pelajar [Çubukçu & Gültekin, 2006; McGregor, 2007]. Kemahiran komunikasi pelajar mungkin mengalami sedikit cabaran akibat kemunculan

kesepian dan individualisasi yang wujud dengan penggunaan teknologi dan kerana sistem pendidikan lebih berorientasikan peperiksaan dan berpusatkan guru. Namun begitu, kekangan ini dapat diatasi sekiranya guru dan komuniti profesional mereka bergabung dalam mengadakan beberapa aktiviti yang mampu melibatkan kesemua murid dalam usaha untuk memupuk kemahiran komunikasi yang diperlukan untuk menggarap kemahiran kepimpinan dalam diri mereka. Dengan adanya peluang-peluang, pelajar akan lebih mendapat galakan serta platform yang selari dengan kebolehan mereka untuk menerapkan nilai kepimpinan dalam diri mereka. Dalam kajian ini, satu lagi kualiti kepimpinan yang diterapkan oleh guru adalah tanggungjawab yang dilihat sebagai kualiti kepimpinan yang penting (Northouse,2015). Hakikat bahawa pelajar sedar akan tanggungjawab mereka diberikan di sekolah atau kehidupan harian adalah penting bagi mereka untuk mendapat kualiti kepimpinan. Akhir sekali, dalam kajian ini, ia telah mendedahkan bahawa penetapan matlamat merupakan antara aspek penting yang perlu diterapkan kepada pelajar.

Objektif 3: Hubungan Antara Elemen Kepimpinan Pengajaran Guru yang Diterapkan di Sekolah dengan Tahap Kepimpinan Pelajar

Jadual 7: Interpretasi Korelasi Bagi Kepimpinan Guru Dan Kepimpinan Murid

Hubungan	r	Interpretasi nilai r
Kepimpinan Guru	0.81	Tinggi
Kepimpinan Pelajar	0.77	Tinggi

Dalam kajian ini, analisis inferensi telah dilaksanakan untuk mendapat hubungan korelasi antara dua bahagian dalam soal selidik iaitu bahagian kepimpinan guru dan kepimpinan murid. Nilai korelasi r yang dicatatkan ialah 0.81 bagi kepimpinan guru dan 0.77 kepimpinan pelajar. Analisis inferensi yang dijalankan menunjukkan sememangnya terdapat hubungan yang tinggi antara persepsi elemen kepimpinan pengajaran guru terhadap kepimpinan pelajar.

Analisis Hipotesis

Jadual 8: Analisis Hipotesis Nol

Ho1	t	Perbezaan Min	Sig.
Hipotesis Nol Pertama	107.360	4.14000	.000
Hipotesis Nol Kedua	93.230	3.86000	.000
Hipotesis Nol Ketiga	20.480	2.72000	.000
Hipotesis Nol Keempat	81.873	3.92000	.000

Hasil analisis daripada ujian-T untuk hipotesis nol yang pertama menunjukkan hasil iaitu: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen komitmen dalam kepimpinan pengajaran dari perspektif guru terhadap elemen kepimpinan pelajar iaitu elemen keusahawanan daya tahan, kecerdasan emosi dan komunikasi. Mengikut analisis, nilai p yang didapati ialah $p<0.001$ di mana semua item bagi elemen komitmen mempunyai hubungan kepada elemen kepimpinan murid. Nilai $p<0.001$ menunjukkan hipotesis nol ditolak. Hipotesis nol yang kedua dilihat menerusi: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen kerjaya profesional dalam kepimpinan pengajaran dari perspektif guru terhadap elemen kepimpinan pelajar yang merangkumi elemen keusahawanan daya tahan, kecerdasan emosi dan komunikasi. Mengikut

analisis, nilai p yang didapati ialah $p<0.001$ di mana semua item bagi elemen kerjaya profesional mempunyai hubungan kepada elemen kepimpinan murid. Nilai $p<0.001$ menunjukkan hipotesis nol kedua ini ditolak. Analisis keputusan ujian-T untuk hipotesis nol yang ketiga iaitu: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen pengupayaan fizikal dalam kepimpinan pengajaran dari perspektif guru terhadap elemen kepimpinan pelajar iaitu elemen keusahawan daya tahan, kecerdasan emosi dan komunikasi diteruskan untuk kajian ini. Mengikut analisis, nilai p yang didapati ialah $p<0.001$ di mana semua item bagi elemen pengupayaan fizikal dilihat mempunyai perkaitan dengan elemen kepimpinan murid. Nilai $p<0.001$ menunjukkan hipotesis nol ketiga ini ditolak. Keputusan ujian-T untuk hipotesis nol yang keempat iaitu: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen Kecekapan Pengurusan Pedagogi dalam kepimpinan pengajaran dari perspektif guru terhadap elemen kepimpinan pelajar iaitu elemen keusahawan daya tahan, kecerdasan emosi dan komunikasi dianalisis dan direkodkan. Mengikut analisis, nilai p yang didapati ialah $p<0.001$ di mana semua item bagi elemen Kecekapan Pengurusan Pedagogi mempunyai hubungan kepada elemen kepimpinan murid. Nilai $p<0.001$ menunjukkan hipotesis nol keempat ini ditolak.

Implikasi dan Cadangan

Kajian ini akan mewujudkan pelbagai implikasi kepada bidang pendidikan termasuk pedagogi dan dari segi penerapan nilai murni dalam kalangan murid-murid. Menerusi amalan dan budaya guru di sekolah, kajian ini telah dapat mengenalpasti ciri-ciri umum guru yang menyumbang kepada peningkatan amalan kepimpinan murid. Ini termasuklah daya tarikan sosial, keceriaan, keramahan, kematangan emosi, keikhlasan dan kualiti lain-lainnya. Ini secara tak langsung telah menunjukkan tahap kesihatan mental yang baik dan pelarasan peribadi yang luhur dalam kalangan guru kita. Aspek gaya kepimpinan guru dan pedagogi juga turut mendapat impak dari kajian ini dimana implikasi yang dilihat lebih kepada gaya kepimpinan autokratik yang lebih digunakan oleh guru-guru dalam bilik darjah masing-masing. Hal ini dilihat kerana guru melihat diri mereka sebagai agen tunggal dalam pentadbiran. Kepimpinan dalam kes ini lazimnya mempunyai sungutan, rasa tidak percaya dan penggantungan. Ini biasanya kerana kekurangan komunikasi yang berkesan antara pemimpin dan murid.

Selain itu, satu lagi cadangan yang untuk kajian lanjutan dalam konteks yang sama ialah untuk penukaran metodologi kajian kepada kajian yang lebih eksperimental di mana dua kumpulan di dua konteks yang berbeza boleh dikaji. Kajian berbentuk ini sangat penting dalam membuktikan sesuatu teori dan hipotesis. Kajian korelasi berdasarkan pencapaian murid juga perlu dalam mengukuhkan lagi amalan kepimpinan dalam kalangan guru secara kajian. Menurut Irvin dan White, (2004) satu sumbangan utama pemimpin guru, adalah kesan pemimpin guru terhadap pencapaian akademik pelajar. Kajian oleh Leithwood dan Jantzi (1999) menunjukkan bahawa walaupun banyak kajian kualitatif mencadangkan keberkesanannya guru sebagai pemimpin, beberapa kajian kuantitatif telah menguji idea ini. Kajian yang melibatkan seramai 1,762 guru dan 9941 pelajar di Kanada, bukan sahaja menjumpai kesan kepimpinan guru untuk meningkatkan pencapaian pelajar, tetapi juga hipotesis bahawa dengan penggabungjalinan kepimpinan dengan pengajaran, nilai pengajaran akan meningkat dengan positif.

Kesimpulan

Kajian ini merupakan antara kajian yang penting dalam pengurusan pendidikan di daerah Jasin dan juga di Malaysia. Dengan keterbatasan yang tertentu, hasil kajian menunjukkan satu hubungan yang nyata antara amalan kepimpinan guru kepada amalan kepimpinan murid di dalam bilik darjah. Perhubungan yang telah dikaji dalam kajian ini semestinya memerlukan kajian yang lebih mendalam untuk mencapai sasaran yang dikehendaki pada masa yang akan

datang selaras dengan peningkatan aspirasi pendidikan negara yang semakin membangun. Dalam hal ini, pelbagai pihak perlu sama-sama berusaha dalam menjalankan hubungan profesional dalam usaha memastikan kepimpinan murid ke arah yang lebih mantap sekaligus menghasilkan kemenjadian murid yang lebih mapan untuk menerajui masa depan negara kelak. Justeru, kajian ini akan membuka lebih banyak perbincangan pada masa hadapan.

Rujukan

- Adair, J. (2011). *The John Adair lexicon of leadership: The definitive guide to leadership skills and knowledge*. London: Kogan Page Limited.
- Addison, L. (1985). Leadership skills among the gifted and talented. (ERIC Document Reproduction Service No. ED262511).
- Avalos, B., & Haddad, W. (1979). Review of teacher effectiveness research in Africa, India, Latin America, Middle East, Malaysia, Philippines and Thailand: synthesis of results. Manuscript reports/IDRC; 10.
- Ayan, S., & Kocacik, F. (2010). The relation between the level of job satisfaction and types of personality in high school teachers. *Australian Journal of Teacher Education*, 35(1), 4
- Azman, N. (2013). Choosing teaching as a career: Perspectives of male and female Malaysian student teachers in training. *European Journal of Teacher Education*, 36(1), 113-130.
- Barth, R. (2013). The time is ripe (again). *Educational Leadership*, 71(2), 10–16.
- Bennis, W. (2009). *On becoming a leader*. NY: Perseus books group.
- Bossert, S., Dwyer, D., Rowan, B., & Lee, G. (1982). The instructional management role of the principal. *Educational Administration Quarterly*, 18(3), 34-64.
- Brooks, J. S., & Normore, A. H. (2010). Educational leadership and globalization: Literacy for a glocal perspective. *Educational Policy*, 24(1), 52-82.
- Carter, D. S. G., Bennetts, C., & Carter, S. M. (2003). 'We're not Sheep': Illuminating the nature of the adolescent peer group in effecting lifestyle choice. *British Journal of Sociology of Education*, 24(2), 225-241
- Ching, S., & Kee, D. (2012). Work values-career commitment relationship of Generation Y teachers in Malaysia. In International Conference on Economics Marketing and Management (pp. 242-246). commitment, and get results. Alexandria, VA: ASCD
- Danielson, C. (2016). *Teacher leadership that strengthens professional practice*. Alexandria, VA: ASCD.
- Drago-Severson, E. (2004). *Helping teachers learn: Principal leadership for adult growth and development*. Corwin Press
- Fertman, C. I., & Van Linden, J. A. (1999). Character education for developing youth leadership. *The Education Digest*, 65(4), 11-16.
- Gliner, J. A., Morgan, G. A., & Leech, N. L. (2011). *Research methods in applied settings: An integrated approach to design and analysis*. Routledge.
- Hallinger, P. (2003). Leading educational change: Reflections on the practice of instructional and transformational leadership. *Cambridge Journal of Education*, 33, 329-351.
- Hallinger, P. (2011a). Developing a knowledge base for educational leadership and management in East Asia. *School Leadership and Management*, 31(4), 305-320.
- Hindes, Y. (2011). Examining youth leadership through the development and validation of a self-report measure: The youth leadership questionnaire (YLQ) (Doctoral dissertation) Retrieved from ProQuest Dissertations and Theses. (UMI No. NR75511)
- Ibrahim, W. N. A., & Bakar, A. (2015). Impact of Entrepreneurship Education on the Entrepreneurial Intentions of Students in Technical and Vocational Education and

- Training Institutions (TVET) in Malaysia. *International Education Studies*, 8(12), 141-156.
- McGregor, J. (2007). Recognizing student leadership: schools and networks as sites of opportunity. *Improving Schools*, 10(1), 86-101
- Ogawa, R. T., & Bossert, S. T. (1995). Leadership as an organizational quality. *Educational Administration Quarterly*, 31, 224-243.
- Wheeldon, J. (2010). Mapping mixed methods research: Methods, measures, and meaning. *Journal of Mixed Methods Research*, 4(2), 87-102.
- Witziers, B., Bosker, R., & Kruger, M. (2003). Educational leadership and student achievement: The elusive search for an association. *Educational Administration Quarterly*, 39, 398–425